



NORMA BAHARU: Majlis penutupan pertandingan menulis Esei Hari Malaysia dalam suasana baharu.

Pertandingan menulis esei Hari Malaysia 2020: Kerjasama dua hala KK1B dan DBP

UB 20.11.2020 P.15

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman 1 Borneo UMS julung-julung kalinya menganjurkan Pertandingan Menulis Esei Hari Malaysia 2020 dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Program ini dianjurkan oleh JAKMAS Kolej Kediaman 1 Borneo dan telah mendapat sambutan daripada Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah beberapa

Universiti Awam (UA) seperti UITM dan UUM dalam menyemarakkan sambutan Hari Malaysia 2020 dengan tema 'Malaysia Prihatin'.

Bagi Pengarah Program Pertandingan ini, Al-Hidayah Awang melihat kerjasama dua hala di antara KK1B dan juga DBP merupakan sebagai suatu yang positif dan telah memberi pelbagai pengalaman berguna kepada semua mahasiswa yang ter-

libat.

Terdahulu di dalam ucapan perasmian penutupan program, Timbalan Naib Canselor HEPA mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa penganjur di dalam usaha untuk menyemarakkan sambutan Hari Malaysia dan bekerjasama dengan salah sebuah institusi penting di dalam negara iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah.

Penganjuran program ini dilihat sebagai suatu usaha positif pihak Kolej Kediaman melalui JAKMAS di dalam menjalankan program mahasiswa di dalam suasana Norma Baharu dan adalah diharapkan segala pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi dapat digunakan di masa hadapan dengan baik.

Selain daripada Timbalan Naib Canselor HEPA UMS,

majlis perasmian penutupan program turut dihadiri oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah, Aminah Awang Basar, Pengetua dan Timbalan Pengetua Kolej Kediaman 1 Borneo, Wijaya Kamal Ramlan dan Norhanieyati Norhaizat serta barisan warga kerja Pengurusan dan Pentadbiran Kolej Kediaman 1 Borneo.

Keputusan pemenang

Pertandingan Menulis Esei Hari Malaysia 2020 bagi tempat pertama, kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Noraisyah Mohd Tahang (UMS), Nor Atiqah Darsono (UMS), dan Thre Nor Afiza Sawir (UMS).

Manakala hadiah saguhati masing-masing dimenangi oleh Zurinah Kuangin (UMS), Nur Anessa Abd Aziz (UITM Kampus Sungai Petani), Allan Leonard Kho

(UMS), Fadilah Jamhari (UMS) dan Syafiqah Aqilah Masri (UMS).

Majlis Penutupan Pertandingan Menulis Esei Hari Malaysia 2020 dalam suasana Norma Baharu turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, Pengarah DBP Cawangan Sabah, Pengetua, Timbalan Pengetua serta warga kerja Pengurusan dan Pentadbiran KK1B UMS.